

KL Wellness City tawar pembangunan kesejahteraan bersepadu di Bukit Jalil

KLWC jadi peneraju projek perbandaran berkonsepkan gaya hidup sihat

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Industri *wellness* atau kesejahteraan semakin mendapat perhatian pada peringkat global pada hari ini dan Malaysia juga tidak terkecuali apabila banyak pemaju yang sudah mula menerapkan konsep ini ke dalam pembangunan mereka.

Wellness bukan sekadar penjagaan kesihatan, malah turut merangkumi sukan, rekreasi, kemudahan perubatan, kecantikan, pemulihan dan gaya hidup sihat secara menyeluruh. Ia bukan sekadar industri, tetapi satu ekosistem holistik yang berkembang pesat.

Menurut Global Wellness Institute (GWI), satu daripada segmen yang mengalami pertumbuhan luar biasa dalam industri ini adalah *wellness real estate* (WRE) atau hartanah kesejahteraan.

WRE bukan sekadar membangunkan kediaman atau bangunan komersial, tetapi satu perancangan bandar yang sistematik, mengintegrasikan kemudahan kesihatan seperti rumah persaraan, pusat pemulihan, hospital, klinik perubatan, ruang pejabat, kediaman, penginapan Airbnb, pusat perubatan swasta dan keperluan runcit dalam satu kawasan.

Sebelum ini belum ada pemaju di Asia Tenggara yang benar-benar memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan perbandaran berkonsepkan kesejahteraan ini.

Namun, kini KL Wellness City (KLWC) mengorak langkah dengan menjadi peneraju dalam membawa konsep ini ke Malaysia sebagai sebuah perbandaran yang benar-benar dirancang dan dibangunkan dengan teliti untuk menyokong gaya hidup sihat.

Pengarah Eksekutif Penjenamaan, Jualan dan Pemasaran KLWC, Datuk Seri Dr Vincent Tiew, berkata berbeza dengan projek lain yang hanya menampilkan beberapa klinik dan menamakan diri mereka sebagai pusat kesejahteraan, KLWC mem-



Datuk Seri Dr Vincent Tiew ketika ditemui di galeri KLWC, Bukit Jalil baru-baru ini.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

bina sebuah perbandaran kesihatan yang lengkap dengan ekosistem tersendiri.

Katanya, semua bangunan di dalam perbandaran ini dihubungkan dengan jambatan pejalan kaki, tempat letak kereta yang saling bersambung, dan infrastruktur hijau yang menepati piawai bangunan lestari.

"Paling penting, hospital dan kemudahan kesihatan utama dibina dalam kawasan perbandaran ini sendiri, membolehkan akses mudah tanpa perlu bergerak jauh. Pendekatan ini memastikan setiap penduduk dan pelawat mendapat manfaat maksimum daripada konsep kesejahteraan yang diterapkan.

"Setakat ini, projek pembinaan KLWC telah mencapai lebih 50 peratus *structural* kemajuan, termasuk hospital antarabangsa dan The Nobel Healthcare Park. Ini bukan sekadar perancangan atas kertas, tetapi sesuatu yang telah menjadi realiti dengan struktur fizikal yang semakin terbentuk," katanya ketika ditemui di galeri KLWC di sini, baru-baru ini.

Jangkaan siap akhir 2026

Dibangunkan di atas tanah seluas 10.72 hektar, fasa pertama KLWC yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) lebih RM900 juta, merangkumi KL International Tertiary Hospital (KLIH) dan The Nobel Healthca-



Unit pameran lengkap berperabot Wellness Suites di The Nobel Healthcare Park dari RM366,000.

re Park.

KLIH bakal menjadi penanda aras dalam sektor penjagaan kesihatan negara apabila siap pada akhir 2026 dengan menawarkan sehingga 1,000 katil, 25 bilik pembedahan serta dilengkapi dengan kemudahan teknologi perubatan yang canggih dan terkini.

The Nobel Healthcare Park pula adalah sebuah kompleks khusus untuk kemudahan perubatan dan kesejahteraan terdiri daripada empat komponen utama, ruang runcit, perubatan, perniagaan dan kesejahteraan.

Ia dikatakan sebagai fasiliti pertama seumpamanya di Asia Tenggara, dan unit-unitnya kini

dibuka untuk jualan.

Mengulas lanjut Vincent berkata, suite runcit setinggi enam meter itu ditawarkan dengan harga purata sekitar RM1.5 juta, yang dianggap sebagai satu pelaburan amat baik.

"Ia seperti memiliki unit runcit di tingkat bawah hospital atau klinik perubatan, satu peluang keemasan kerana bukan semua orang berpeluang memiliki lot kedai di tingkat bawah hospital atau klinik perubatan.

"Pelbagai jenis perniagaan boleh dijalankan di ruang ini, termasuk F&B (makanan dan minuman), farmasi, kedai serbaneka, serta perniagaan barangan

dan perkhidmatan penting lain.

"Sama seperti model perniagaan di Hong Kong dan Singapura, kami turut menawarkan dua blok suite perubatan persendirian, yang disasarkan kepada pakar perubatan dan syarikat berkaitan penjagaan kesihatan.

"Setakat ini, lebih 75 peratus unit dalam fasa pertama sudah terjual kepada golongan ini," katanya.

Tambahnya, KLWC kini bukan sekadar satu projek pembangunan biasa, tetapi satu pencapaian membanggakan Malaysia di peringkat global.

Katanya, sejak awal tahun ini, projek terbabit mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dijemput untuk berkongsi pengalaman di pelbagai platform dunia.

"Lebih menarik, KLWC kini menjadi kajian kes yang dipelejar oleh pihak luar, membuktikan Malaysia bukan sahaja mampu bersaing, tetapi juga menjadi peneraju dalam industri hartanah kesejahteraan.

"Sebagai projek yang dirancang dengan teliti dan disokong oleh pakar perubatan terkemuka, KLWC bukan sekadar membina bangunan, tetapi membina masa depan kesihatan negara.

"Ini adalah kebanggaan Malaysia, satu pencapaian yang bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat, tetapi juga meletakkan negara dalam peta global sebagai pemimpin dalam industri hartanah kesejahteraan," katanya.